

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

Tingkatan 5

Julai 2026

2 jam

Dua jam



PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

**KARANGAN RESPONS TERTUTUP / TERHAD
[30 MARKAH]**

KAEDAH PEMERIKSAAN

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Tanda karangan calon seperti biasa sekiranya karangan itu panjangnya antara 150 hingga 200 perkataan.
3. Periksa jawapan calon setakat **210 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
4. Pemeriksa hendaklah memberikan komen pada karangan yang diperiksa.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi/ fakta

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

KRITERIA PERSKORAN : BAHAGIAN A

PERINGKAT	KRITERIA
<i>Cemerlang</i> 26-30 (28-30) (26-27)	<u>Tema / Tugas</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan - Huraian jelas dan matang. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi - Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat - Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan - Laras bahasa yang sesuai mengikut tugas - Wacananya lengkap. - Pemerenggan sesuai *Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain
<i>Kepujian</i> 20-25 (23-25) (20-22)	<u>Tema / Tugas</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan - Huraian jelas.

	<u>Bahasa</u> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata luas. • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik. • Laras bahasa yang sesuai mengikut tugas • Wacananya lengkap. • Pemerenggan sesuai •
Memuaskan 15-19 (17-19) (15-16)	<u>Tema / Tugas</u> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan / tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan • Huraian masih jelas <u>Bahasa</u> • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat. • Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi • Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan masih menarik • Laras bahasa yang masih sesuai mengikut tugas • Wacananya masih lengkap. • Pemerenggan masih sesuai •
Kurang Memuaskan 10-14 (12-14) (10-11)	<u>Tema / Tugas</u> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan / tugas. <u>Idea</u> • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan • Huraian kurang jelas <u>Bahasa</u> • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. • Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara • Penggunaan kosa kata terhad • Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi masih terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <u>Pengolahan</u>

	• Pengolahan kurang menarik • Laras bahasa yang kurang sesuai mengikut tugas • Wacananya kurang lengkap. • Pemerenggan kurang sesuai •
<i>Pencapaian Minimum</i> 01-09 (06-09) (01-05)	• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

PANDUAN PEMARKAHAN

BAHAGIAN A (30 markah)

1. Format penuisan komen:

- T - menepati tema
- I - relevan, huraian jelas
- B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata dan ayat, kosa kata luas
- P - sangat menarik dan berkesan

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan bidang pertanian di Malaysia.

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **peranan pelbagai pihak untuk memajukan bidang pertanian di Malaysia.***

*Panjangnya huraian hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan.***

KEHENDAK TUGASAN SOALAN

Murid dikehendaki menghuraikan **peranan pelbagai pihak untuk memajukan bidang pertanian di Malaysia.**

1. Murid dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan iaitu ;
 - pihak kerajaan – bantuan kewangan / modal
 - masyarakat / petani – menggunakan teknologi pertanian moden
2. Murid **perlu menyentuh semua bahan** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, pendahuluan, contoh atau kesimpulan.
3. Sekiranya murid menyentuh semua bahan dan **menambah idea lain** berkaitan **cara-cara / langkah-langkah** memupuk perpaduan kaum di Malaysia - **diterima dan disemak seperti biasa.**
4. Jika murid **tidak menyentuh** semua bahan - **maksimum peringkat Kepujian.**
5. Murid yang menulis melebihi **210 patah perkataan** atau hingga ayat terakhir - **maksimum peringkat Kepujian.**
6. Sekiranya murid menulis kurang daripada **140 patah perkataan** - **maksimum peringkat Memuaskan.**
7. Jika murid menulis dalam bentuk poin - **maksimum Peringkat Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum.**

Bahagian B:
Karangan Respons Terbuka [70 markah]

PERINCIAN PEMARKAHAN

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan :
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, *impression* akan turun. – **PERINGKAT KEPUJIAN**
 - b. Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – **maksimum PERINGKAT BAIK**
 - c. Melebihi 500 patah perkataan. – **PERINGKAT CEMERLANG BAWAH**
 - d. Bilangan perkataan 511 dan ke atas – **maksimum PERINGKAT KEPUJIAN**
 - e. Pemarkahan hanya diberi sehingga 500 bilangan patah perkataan sahaja. Buat garisan panjang bagi bilangan patah perkataan yang melebihi 500 patah perkataan. Pemeriksa perlu membaca skrip calon sehingga habis bagi mendapatkan pemeringkatan markah yang sebenar.
 - f. Jika calon menulis dalam bentuk point – **maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**
3. Cara menanda kesalahan isi, ejaan, dan tanda baca :

- () = Kesalahan isi
- = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
- / = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
- // = Kesalahan ejaan yang berulang
- = Kesalahan tanda baca

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	• Kegramatisan: - kata (morfologi) - ayat (sintaksis) • Tanda baca • Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	• Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	• Tema • Isi utama • Pengembangan (huraian / bahasa / hujahan / contoh) • Kerelevanan

4. PENGOLAHAN	• Wacana • Logik • Pemerenggan • Format
5. GAYA BAHASA	• Keindahan bahasa • Ungkapan • Peribahasa

BAHAGIAN B : KARANGAN RESPONS TERBUKA

[70 Markah]

KRITERIA PERSKORAN : BAHAGIAN B

PERINGKAT	KRITERIA
CEMERLANG 64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	Tugasan • Karangan menjawab tugas. Idea • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas dan matang. • Contoh yang sesuai. Bahasa • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. Pengolahan • Pengolahan sangat menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas

KEPUJIAN 55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	Tugasan • Karangan menjawab tugas. Idea • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas. • Contoh yang sesuai. Bahasa • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. Pengolahan • Pengolahan menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas
BAIK 45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)	Tugasan • Karangan masih menjawab tugas. Idea • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian masih jelas. • Contoh masih sesuai. Bahasa • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. Pengolahan • Pengolahan masih menarik • Pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap.



MEMUASKAN 35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	Tugasan - Karangan masih/ kurang menjawab tugas. Idea - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian kurang jelas. - Contoh kurang sesuai. Bahasa - Ayat kurang gramatis - Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. - Penggunaan kosa kata umum dan terhad. - Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. - Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. Pengolahan - Pengolahan kurang menarik - Pemerenggan kurang sesuai. - Wacana masih / kurang lengkap.
PENGUASAAN MINIMUM 21 – 34 (28 – 34) (21 – 27)	Tugasan - Karangan kurang menjawab tugas. Idea - Idea masih relevan mengikut tugas / bercampur aduk. - Huraian tidak jelas / tidak berkembang. - Contoh tidak sesuai. Bahasa - Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. - Penggunaan kata kurang tepat. - Penggunaan kosa kata umum dan terhad. - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda yang ketara. - Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. - Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan Pengolahan - Pengolahan tidak menarik - Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang. - Wacana tidak lengkap.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM 1 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami - Idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. - Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. - Pengolahan tidak menarik. - Pemeranggan tidak sesuai dan tidak seimbang. - Wacana tidak lengkap.

Format penulisan komen:

- T - menepati tugas
- I - relevan, huraian jelas
- B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata dan ayat, kosa kata luas
- P - sangat menarik dan berkesan

PANDUAN PEMARKAHAN

BAHAGIAN B (70 MARKAH)

1.

Amalan kitar semula merupakan antara langkah berkesan untuk menjamin kelangsungan hidup manusia pada masa hadapan dan wajar dijadikan sebagai cara hidup dalam kalangan masyarakat, sama ada di rumah, sektor industri mahupun institusi pendidikan. Oleh sebab itu, masyarakat perlu bertindak segera untuk mengamalkan kitar semula dalam kehidupan seharian kerana jumlah sisa buangan yang dihasilkan oleh setiap individu semakin meningkat.

Sumber: Berita Harian, 24 Jun 2022

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan usaha-usaha memupuk amalan tersebut dalam kalangan masyarakat di negara ini..

Kehendak / tugas soal

1. Calon dikehendaki **menghuraikan usaha-usaha memupuk amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat di negara ini.**
 - (i) Kempen kesedaran yang berterusan
 - (ii) Menyediakan kemudahan kitar semula
 - (iii) Penguatkuasaan undang-undang
 - (iv) Peranan ibu bapa di rumah

(Terima idea-idea lain yang sesuai)

KEMUNGKINAN JAWAPAN :

1. Calon membincangkan idea dalam petikan dan menambah idea lain-idea lain – **terima seperti biasa**
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – **maksimum peringkat KEPUJIAN**
3. Calon membincangkan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – **maksimum peringkat BAIK.**

2.

Kerjaya amat berkait rapat dengan perkembangan kehidupan seseorang. Kerjaya juga merupakan kerjaya berterusan dan kesinambungan daripada pengalaman dalam kehidupan individu. Oleh itu, pemilihan kerjaya yang tepat dan bersesuaian dengan kelulusan dan personaliti diri sangat penting dalam menentukan hala tuju kehidupan seseorang individu.

Sumber: Internet

Bincangkan faktor-faktor dalam petikan dan faktor lain dalam pemilihan kerjaya.

Kehendak/tugasan soalan:

1. Calon dikehendaki **menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang yang terdapat dalam petikan berserta faktor lain** iaitu:

- (i) bersesuaian dengan kelulusan (dalam petikan)
- (ii) bersesuaian dengan personaliti diri (dalam petikan)
- (iii) minat
- (iv) gaji dan ganjaran
- (v) pengaruh keluarga dan rakan

(Terima idea-idea lain yang sesuai)

. Kemungkinan jawapan:

- 1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain berkaitan langkah – **terima seperti biasa.**
- 2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – **maksimum peringkat KEPUJIAN.**
- 3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – **maksimum peringkat KEPUJIAN.**
- 4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – **maksimum peringkat BAIK.**
- 5. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – **maksimum peringkat BAIK.**



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

3.

Hari Koperasi Sekolah merupakan antara program tahunan yang dianjurkan di sekolah. Program ini memberi peluang kepada murid untuk terlibat dalam aktiviti jual beli, pengurusan gerai dan pelbagai aktiviti keusahawanan. Melalui program ini juga, murid bukan sahaja memperoleh pengalaman perniagaan, malah dapat membentuk jati diri yang lebih bertanggungjawab dan berdikari.

Sumber: Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan penganjuran Hari Koperasi Sekolah kepada murid.

Kehendak / tugas soal

1. Calon dikehendaki **kepentingan-kepentingan penganjuran Hari Koperasi Sekolah kepada murid dan sekolah** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu :
 - (i) memberi peluang kepada murid untuk terlibat dalam aktiviti jual beli, pengurusan gerai dan pelbagai aktiviti keusahawanan
 - (ii) murid memperoleh pengalaman perniagaan
 - (iii) membentuk jati diri yang lebih bertanggungjawab dan berdikari

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain berkaitan langkah – **terima seperti biasa**.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – **maksimum peringkat KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – **maksimum peringkat KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – **maksimum peringkat BAIK**.
5. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – **maksimum peringkat BAIK**.

4. Teknologi digital telah menjadi sebahagian daripada kehidupan harian masyarakat moden. Antara kebaikan teknologi digital ialah memudahkan komunikasi tanpa mengira jarak dan masa. Melalui aplikasi seperti mesej segera dan panggilan video, manusia dapat berhubung dengan lebih cepat dan berkesan walaupun berada di lokasi yang berbeza. Hal ini telah menjadikan komunikasi lebih efisien dalam pelbagai urusan harian.

Sumber: Internet

Selain kesan yang dinyatakan dalam petikan, huraikan kesan-kesan lain teknologi digital terhadap masyarakat.

Kehendak / tugas soal

1. Calon dikehendaki **menghuraikan kesan-kesan lain teknologi digital kepada masyarakat selain daripada yang terdapat dalam petikan** iaitu :
 - (i) Akses maklumat tanpa had
 - (ii) Menjana ekonomi dan peluang pekerjaan
 - (iii) Menjimatkan masa dan tenaga
 - (iv) Meningkatkan sektor pendidikan

(Terima idea-idea lain yang sesuai)

b) Kemungkinan jawapan:

- i. Calon menghuraikan idea dalam dan luar petikan – **maksimum KEPUJIAN (55 – 63)**
- ii. Calon menghuraikan idea dengan mengaitkan peranan pelbagai pihak – **maksimum KEPUJIAN (55 – 63)**
- iii. Calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja – **maksimum BAIK (45 – 54)**
- iv. Calon menghuraikan isu kenaikan harga barang tanpa mengaitkan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan – **maksimum BAIK (45 – 54)**

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BINTULU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026

BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

Julai

2 jam 30 minit



PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

MARKAH PENUH : 100 MARKAH
BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : 8 markah

Soalan 2 : 6 markah

Soalan 3 : 11 markah

Soalan 4 : 6 markah

Soalan 5 : 4 markah

PANDUAN PEMARKAHAN BAGI SOALAN 1: MORFOLOGI

1	Berikan 1 markah bagi setiap kata bantu dan setiap kata bilangan yang disenaraikan dengan betul.
2	Jika calon menyenaraikan lebih daripada 2 kata bantu dan dua kata bilangan, semak setakat 2 kata bantu dan 2 kata bilangan yang pertama sahaja.
3	Berikan 1 markah bagi setiap ayat daripada kata bantu dan kata bilangan yang betul.
4	Jika calon membina lebih daripada 4 ayat, semak setakat 4 ayat yang pertama sahaja.
5	Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan jawapan.
6	Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
7	Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
8	Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah
9	Ayat tidak jelas maksudnya, berikan 0 markah bagi setiap ayat.
10	Calon menyalin/meniru keseluruhann ayat daripada mana-mana petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
11	Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
12	Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi penggunaan tanda baca dengan betul.

Soalan 1

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan warisan sejarah dan keindahan alam semula jadi. Namun begitu, **masih banyak** tempat bersejarah dan alam semula jadi yang **belum** dimanfaatkan sepenuhnya sebagai produk pelancongan. Oleh itu, Malaysia **perlu** mewujudkan produk pelancongan yang berpotensi untuk menarik minat pelancong. Dengan memanfaatkan **sesetengah** tempat bersejarah dan keindahan alam semulajadi sebagai produk pelancongan, ia **dapat** membantu meningkatkan industri pelancongan negara dan juga manfaat kepada penduduk setempat. Tempat-tempat bersejarah seperti Kota Melaka, Georgetown, Pulau Langkawi dan Kota Kinabalu ialah **beberapa** contoh lokasi yang mempunyai keunikan dan sejarah tersendiri. Sebagai contoh, Melaka dan George Town ialah bandar bersejarah yang **telah** diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO.

KATA BANTU	MAKSUD
masih	Lagi (dalam keadaan)
belum	Masih dalam keadaan tidak; masih tidak
perlu	1. keharusan (yang tidak dapat dielakkan), kemestian 2. menjadi kemestian (utk mendapat sesuatu dll), harus, terpaksa. 3. harus ada (diperoleh), berguna, mustahak, penting
dapat	Boleh (berupaya) melakukan sesuatu
telah	menyatakan sesuatu perbuatan sudah berlaku atau sudah berlaku.

** 2 Kata Bantu sahaja yang diterima*

KATA BILANGAN	MAKSUD
banyak	1. besar jumlahnya 2. jumlahnya; bilangannya
sesetengah	Beberapa (orang dll), sebilangan (sebahagian) daripadanya, setengah-setengah
beberapa	Jumlah yang tidak tentu banyaknya (lebih daripada dua tetapi tidak terlalu banyak)

** 2 Kata Bilangan sahaja yang diterima*



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

PANDUAN PEMARKAHAN BAGI SOALAN 2 : SINTAKSIS

2. Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti tiga ayat majmuk, kemudian pisahkan ayat-ayat majmuk tersebut menjadi enam ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya.

Ayat majmuk	Masyarakat digalakkan untuk memulakan pertanian bandar supaya kelestarian alam sekitar terus terpelihara.	
Ayat Tunggal 1	Masyarakat digalakkan untuk memulakan pertanian bandar.	1m
Ayat Tunggal 2	Kelestarian alam sekitar terus terpelihara.	1m
Ayat majmuk	Pertanian bandar memanfaatkan landskap cantik di bandar serta menggunakan ruang secara efektif	
Ayat Tunggal 1	Pertanian bandar memanfaatkan landskap cantik di bandar	1m
Ayat Tunggal 2	Pertanian bandar menggunakan ruang secara efektif	1m
Ayat majmuk	Ruang terhad mampu menghasilkan pelbagai jenis sayur yang mempunyai kualiti sangat baik.	
Ayat Tunggal 1	Ruang terhad mampu menghasilkan pelbagai jenis sayuran.	1m
Ayat Tunggal 2	Sayur mempunyai kualiti sangat baik.	1m
Ayat Majmuk	Udara persekitaran menjadi semakin segar kerana tanaman hijau mengurangkan kesan pencemaran udara.	
Ayat Tunggal 1	Udara persekitaran menjadi semakin segar	1m
Ayat Tunggal 2	Tanaman hijau mengurangkan kesan pencemaran udara.	1m

[Maksimum: 6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN**Bahan 1**

Peranan penjawat awam amat signifikan dalam melaksanakan agenda negara. Mereka perlu meningkatkan nilai integriti Ketika bertugas. Kaki tangan awam juga digesa untuk memberikan perkhidmatan yang menjurus kepada mempermudah dan mempercepatkan urusan pelanggan tanpa karenah birokrasi. Semangat kerja berpasukan juga perlu diterapkan dalam setiap tugas yang dilaksanakan demi untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Sesungguhnya, pemeraksanaan perkhidmatan awam yang dilaksanakan menjadi titik-tolak yang akan melakar perubahan dalam sejarah perkhidmatan awam di negara ini

SALAH	BETUL
signifikan	signifikan
agenda	agenda
dilaksanagn	dilaksanakan
mempercepatkan	mempercepat
karenah	kerenah
demi untuk	demi / untuk
titik-tolak	titik tolak

[*Markah maksimum=6m]

Bahan 2



KELEBIHAN PERNIAGAAN DALAM TALIAN

Perniagaan dalam talian amat popular dan digemari oleh masyarakat di masa ini.

Kaedah perniagaan ini mudah dimulakan dan dijalankan dengan modal yang nipis.

Risikonya juga lebih rendah dan peniaga dapat menguruskan sendiri perniagaan mereka tanpa perlu pengupahan ramai pekerja.

Kos untuk memulakan sesebuah perniagaan konvensional biasanya lebih tinggi tetapi sewa kedai, ubahsuai bangunan, upah pekerja, dan lain-lain kos dapat dikurangkan melalui perniagaan jenis ini.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Kelebihan Perniagaan dalam Talian'
oleh Wan Nong Muzaffar,
www.alaf21.com



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

SALAH	BETUL
di masa	pada masa
nipis	kecil
pengupahan	mengupah
konvensional	konvensional
ubahsuai	ubah suai
lain-lain kos	kos lain-lain

[*Markah maksimum=5m]

Soalan 4- Bahasa Melayu Standard

- Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard.

Deskripsi	Markah
– Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat	6
– Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis	5-6
– Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	4
– Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	3
– Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
– Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
– Ayat disalin bulat-bulat	0
– Isi tidak mengikut urutan	0

Kertala Sari menyembah, “apalah yang hendak dirisaukan dengan tugas membunuh Ratu Melaka dan Lasamana itu? Pada pandangan saya, jika negerinya pun dapat saya kalahkan seorang diri, semua anak isteri orang-orang Melaka pun dapat saya ambil. Selagi saya tidak berjaya membunuh Ratu Melaka dan Laksamana, saya tidak akan menjadi penggawa.” Setelah Patih Gajah Mada mendengar kata-kata tersebut dia berasa sangat gembira, lalu dihidangkan makanan minuman dan bergembira serta diberi pakaian.

[*Markah maksimum=6m]

5. Dalam petikan di bawah terdapat beberapa peribahasa. Kenal pasti peribahasa tersebut, kemudian berikan maksud.

Kehadiran Johan sebagai pengurus baharu di pejabat itu dianggap bagai pucuk dicita, ulam mendatang kerana beliau membawa perubahan besar dan inspirasi kepada semua kakitangan. Sifatnya yang berwibawa serta sentiasa prihatin terhadap kebajikan pekerja menjadikan suasana kerja lebih produktif. Beliau dan kakitangannya sentiasa bekerjasama dalam melaksanakan tugas bagai aur dengan tebing. Beliau juga sangat disenangi kerana bijak menyesuaikan diri dengan budaya organisasi, bak kata pepatah, masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.

Bil	Peribahasa	Maksud
1	pucuk dicita, ulam mendatang	Yang diperoleh daripada yang dikehendaki
2	Bagai aur dengan tebing	Sikap tolong menolong antara satu sama lain
3	masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.	Menyesuaikan diri dengan masyarakat sekeliling

[*Markah maksimum=4m]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 6 : **13** markah

Soalan 7 : **12** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/ sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	3
Isi cukup (2 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi)/ menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi)/ tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks, unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi)/ tidak menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi)/ tidak menyentuh semua bahan/ ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6**Markah****(i) tidak berkompromi**

- | | | |
|---|-----------------------|---|
| 1 | jangan bertolak ansur | 2 |
| 2 | tidak bertolak ansur | 1 |

[Maksimum : 2 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****(ii) Tujuan kerajaan mengambil tindakan terhadap pelaku rasuah****Bahan 1**

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | penjawat awam tidak melanggar undang undang yang akan menjejaskan integriti dan nama baik kerajaan secara keseluruhan | 1 |
| P2 | rakyat memerhati penjawat awam dan menikmati kualiti perkhidmatan kerajaan serta agensi-agensiya | 1 |

Bahan 2

- | | | |
|----|---|---|
| P3 | memastikan penjawat awam bertugas mengikut landasan yang ditetapkan | 1 |
| P4 | memastikan penjawat awam sentiasa berwaspada terhadap kemungkinan terlibat dalam rasuah jika tidak mengikut prosedur yang ditetapkan. | 1 |

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Impak jangka panjang jika amalan rasuah tidak dibendung**

- | | | |
|----|-----------------------------------|---|
| P1 | kualiti perkhidmatan semakin baik | 1 |
|----|-----------------------------------|---|



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- P2 kerja dapat dilakukan dengan cepat dan berkesan 1
- P3 ketirisan sesuatu projek dapat dielakkan membolehkan kerajaan memanfaatkan sumber kwangun untuk sektor yang lebih kritikal 1
- P4 banyak pelabur asing akan melabur di dalam negara menyebabkan pendapatan negara semakin meningkat 1
- P5 taraf hidup rakyat menjadi lebih baik serta jurang kemiskinan antara rakyat akan berkurang apabila rasuah dihapuskan 1
- (Sebab lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iv) Tindakan-tindakan

- P1 melarangnya/menegurnya daripada menggunakan wang kelas kerana perbuatan itu merupakan kesalahan pecah amanah 1
- P2 meminta dia agar mengumpulkan wang sehingga cukup barulah membeli kasut sukan 1
- P3 meminjamkan wang kepadanya agar dia dapat membeli kasut sukan itu 1
- P4 mencadangkan agar dia mencari cara lain untuk mendapatkan wang seperti menabung atau melakukan kerja sambilan yang sesuai. 1
- P5 mengingatkannya bahawa menggunakan wang kelas boleh menyebabkan hilangnya kepercayaan rakan-rakan terhadap dirinya. 1
- P6 mengajaknya mencari kasut sukan yang lebih murah atau membeli semasa jualan. 1
- P7 Jika dia masih berkeras, saya akan melaporkan perkara tersebut kepada guru kelas demi menjaga amanah wang kelas. 1

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7**Markah****(i) Hatiku berdebar-debar kerana**

- P1 harga yang disebutkan amat tinggi 1
- P2 “aku” tidak memiliki duit sebanyak itu 1

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Ciri-ciri suasana melancong**Bahan 1**

- P1 Mengambil angin segar di luar kedai 1
(Mempunyai angin yang segar di luar kedai)

Bahan 2

- P2 Berseri, indah dan ceria (Mempunyai destinasi yang cantik, indah dan ceria) 1
- P3 Negeriku aman damai (Negara yang tenteram dan harmoni) 1
- P4 Negeriku aman sentosa (Negara yang tenteram dan harmoni) 1
- P5 Warganya bersatu hidup selesa (Penduduk/rakyat yang hidup

bersama dalam keadaan yang selamat)

Nota : Jawapan mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Kesan-kesan terhadap negara

- | | | |
|----|--|---|
| P1 | peningkatan peluang pekerjaan | 1 |
| P2 | pengaliran masuk pertukaran wang asing meningkat | 1 |
| P3 | pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam meningkat | 1 |
| P4 | meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat | 1 |
| P5 | mengurangkan kadar pengangguran | 1 |
| P6 | memperkenalkan budaya dan keunikan negara kepada pelancong asing | 1 |

[langkah yang lain boleh diterima sekiranya sesuai]

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Sebagai rakan, tindakan saya

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | membuat aduan dan maklum balas kepada penganjur | 1 |
| P2 | Membantu mengutip sampah | 1 |
| P3 | membawa beg sampah sendiri | 1 |
| P4 | menjadi sukarelawan mengutip sampah | 1 |

[tindakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai]

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan 8 (i)

- Jika calon menyalin keseluruhan petikan tanpa pangkal ayat, berikan 0 markah.
- Jika calon menyalin keseluruhan petikan dengan menulis pangkal ayat, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.
- Jika calon menyalin isi secara terpilih dan tiada pangkal ayat, periksa seperti biasa (rujuk deskripsi pemarkahan)

Soalan 8

(i) Apakah yang dilakukan oleh datuk?

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | Dia menurunkan semua barang perhiasan di dalam almari kayu | 1 |
| P2 | Dia menyusun barang yang bertaburan di lantai; piring hitam, cawan batu, bingkai gambar, wang syiling perak, tepak sirih, model-model bangunan, dan beberapa lagi | 1 |
| P3 | Dia juga turut sama menyusun fikiran dan perasaannya yang bertaburan | 1 |

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8 (ii)**ii. Jawapan soalan novel**

- a. Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- b. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- c. Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- d. Beri 1 markah bagi huraian/ contoh yang lengkap/ jelas bagi setiap isi. Huraian calon sama ada secara umum atau ada nama watak juga diperiksa seperti biasa.
- e. Markah isi maksimum 4 markah (1 markah bagi pernyataan isi dan 1 markah huraian/ contoh).
- f. Markah bahasa diberi secara gambaran menyeluruh:
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- g. Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- h. Calon tidak menjawab 0 markah.
- i. Jika calon hanya menulis nama novel dan pengarang sahaja, berikan 0 markah.
- j. Calon boleh memilih mana-mana 2 buah novel daripada 8 buah novel yang disenaraikan.

[Maksimum: 6 markah]**ii. Huraikan peristiwa yang tidak dapat dilupakan oleh pembaca.**

NOVEL DI SEBALIK DINARA [TINGKATAN 4]	
PERISTIWA	HURAIAN / SEBAB
1. Peristiwa Karl menyiksa Rusmina sehingga cacat kerana Rusmina enggan meninggalkan Islam dan menukarnya menjadi cyborg.	Peristiwa ini tidak dapat dilupakan oleh pembaca kerana kekejaman seorang suami yang sepatutnya melindungi isteri tetapi bertindak untuk menyeksanya.
2. Peristiwa Farisha dimasukkan mikrochip oleh Karl tanpa ubat bius ketika Farisha masih bayi dengan tujuan menjadikan Farisha seorang genius.	Peristiwa ini tidak dapat dilupakan oleh pembaca kerana seorang anak yang menjadi bahan uji kaji bapa kandungnya demi kepentingan bapanya.
3. Peristiwa Farisha mendapat tahu bahawa abangnya Azraai menghidap penyakit jantung dan mendapat tahu bahawa dia hanyalah anak angkat keluarga Azraai yang dijaga seperti anak sendiri.	Peristiwa ini tidak dapat dilupakan oleh pembaca kerana dugaan yang menimpa keluarga tersayang dan pada masa yang sama menerima hakikat tentang identitinya sendiri.
4. Peristiwa Dr. Maxi tidak memulihkan ingatan asal Shida yang kini fikirannya dipenuhi oleh ingatan dan perasaan Karl sehingga menyebabkan Shida kehilangan diri sendiri dan menjadi tidak siuman. .	Peristiwa ini tidak dapat dilupakan oleh pembaca kerana sikap tamak seseorang sehingga mengorbankan orang lain demi kepentingan peribadi.



NOVEL SILIR DAKSINA [TINGKATAN 5]	
PERISTIWA	HURAIAN / SEBAB
1. Peristiwa Haiqal tidak dibenarkan oleh Umi untuk melihat jenazah ayahnya di Kampung Seri Purnama buat kali terakhir dengan alasan Haikal sedang menduduki peperiksaan UPSR.	Peristiwa ini tidak dapat dilupakan oleh pembaca kerana sikap ego seorang ibu yang menyebabkan seorang anak tidak pernah berjumpa ayah kandungnya sejak kecil sehinggalah ayahnya meninggal dunia untuk memberi penghormatan terakhir.
2. Peristiwa Umi melarang Haiqal pergi ke Kampung Seri Purnama untuk menjejaki kehidupan arwah ayahnya dan mengugutnya tidak akan memberikan wang belanja kepada Haiqal.	Peristiwa ini tidak dapat dilupakan oleh pembaca kerana hajat anak tidak direstui oleh seorang ibu.
3. Peristiwa Cikgu Amirulnizam merahsiakan penyakit yang dihidapinya daripada semua orang termasuk orang yang rapat dengannya seperti Tauke Lim, Ai Ling dan PakCik Bakar.	Peristiwa ini tidak dapat dilupakan oleh pembaca kerana rahsia ini membuatkan banyak pihak tidak dapat melakukan apa-apa untuk menyelamatkan orang yang disayangi.
4. Peristiwa Haiqal menangis apabila mendalami perasaan ayahnya melalui manuskrip yang dibaca, menggambarkan kehidupan Abdullah Kayan yang sunyi dan terseksa.	Peristiwa ini tidak dapat dilupakan oleh pembaca kerana menunjukkan betapa dalamnya rindu seorang anak dan ayah yang terpisah akibat perceraian dan ego seorang ibu.

(Mana-mana peristiwa yang sesuai diterima)

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

(a) Isi maksimum - **20 markah**

(b) Bahasa maksimum - **10 markah**

(a) **Isi [20 markah]**

SULIT**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan.
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- Nama khas
 - Perkataan berganda
 - Penggunaan kata sendi di dan ke
 - Tarikh
 - Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - Gelaran
 - Penanda wacana
 - Peribahasa
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja**. Selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bil Isi	Bilangan isi diterima (8 isi lengkap)												Marka h maksimum
Pendahuluan														2
Isi Bahan 1														16
Fokus 1 (ciri-ciri / kriteria-kriteria)	6	5	5	4	4	4	3	3	3	3	2	6	6	
Fokus 2 (Usaha-usaha / cara-cara / langkah- langkah)	1	1	1	1	1	1	1	1	0	1	1	0	0	
Isi Bahan 2														
Fokus 1 (ciri-ciri / kriteria-kriteria)	1	0	1	0	1	1	1	0	1	1	1	1	0	

Fokus 2 (Usaha-usaha / cara-cara / langkah-langkah)	1	1	0	1	0	1	1	1	1	0	1	0	1	
Isi Bahan 3														
Fokus 2 (Usaha-usaha / cara-cara / langkah-langkah)	1	1	1	2	2	1	2	3	3	3	3	1	1	
Jumlah Isi	12	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	
Penutup / Kesimpulan														2
	Jumlah Markah													20

b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH	BAHASA
Cemerlang	8-10 markah	- Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik - Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	- Kesinambungan ayat baik - Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat - Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	- Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik - Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat - Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan.
Lemah	1 - 2 markah	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

SULIT**Nota:**

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual)
- (iii) Jika calon memperoleh markah isi 5 markah ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5.
- (iv) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan berikan 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]**Pendahuluan**

Pendahuluan		Markah
P1	Rumusan tentang/ membincangkan ciri-ciri / kriteria-kriteria yang harus dimiliki untuk menjadi pegawai psikiatri, dan usaha-usaha / langkah- langkah / cara-cara pelbagai pihak menggalakkan generasi muda menceburi bidang psikiatri.	2
P2	Rumusan tentang/ membincangkan ciri-ciri / kriteria-kriteria yang harus dimiliki untuk menjadi pegawai psikiatri.	1
P3	Rumusan tentang/ membincangkan usaha-usaha / langkah- langkah / cara-cara pelbagai pihak menggalakkan generasi muda menceburi bidang psikiatri.	1

Isi :

Fokus 1: ciri-ciri yang harus dimiliki untuk menjadi pegawai psikiatri

Bahan 1		Markah
1	Memiliki ijazah perubatan terlebih dahulu, diikuti dengan pengkhususan dalam bidang psikiatri	2
2	Mempunyai empati yang tinggi	2
3	Berdisiplin dan boleh dipercayai	2
4	Mampu menjaga kerahsiaan pesakit dan membuat keputusan secara professional dan berprinsip	2
5	Berpengetahuan luas dalam psikologi dan perubatan	2
6	Mempunyai pemikiran analitik dan kritis	2

Bahan 2		Markah
1	Memiliki sikap sabar dan tenang	2

Fokus 2: Usaha pelbagai pihak menggalakkan generasi muda menceburi bidang psikiatri

Bahan 1		Markah
1	Media sosial harus dimanfaatkan untuk berkongsi maklumat, video pendidikan, dan pengalaman sebenar pakar psikiatri	2


SERTAI TELEGRAM @exercise_students
SULIT

Bahan 2		Markah
1	Ibu bapa perlu memberi dorongan yang positif kepada anak-anak untuk menceburi bidang psikiatri	2

Bahan 3		Markah
1	Kerajaan menyediakan biasiswa dan latihan	2
2	Pihak sekolah mendedahkan ilmu kesihatan mental	2
3	Ibu bapa memberi sokongan dan dorongan kepada anak	2

Kesimpulan

Kesimpulan		Markah
1	Kesimpulannya, kerjaya sebagai psikiatri amat diperlukan supaya dapat membimbing individu ke arah kesejahteraan mental.	2
2	Kesimpulannya, kerjaya sebagai psikiatri amat diperlukan	1

Nota:

- (i) Jika calon menulis pendahuluan 2 atau 1 fokus, berikan 1 markah atau 0 markah (jika semua fokus salah).
- (ii) Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah atau tidak menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama sahaja. Isi seterusnya diperiksa seperti biasa.
- (iii) Isi diberi markah seperti biasa walaupun bercampur dengan fokus yang lain.
- (iv) Kesimpulan hanya merujuk kepada penyebaran berita palsu sahaja.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

